

**PEMULIH: Kerajaan peruntuk RM100 juta kemudahan pembiayaan penggiat seni – PM**  
**Astro Awani**  
**28 Jun 2021**  
**Fareez Azman**

PUTRAJAYA: Kerajaan memperuntukkan RM100 juta dalam bentuk kemudahan pembiayaan dan sokongan bantuan kewangan kepada golongan penggiat seni.

Menurut Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, peruntukan itu bagi mengurangkan beban golongan berkenaan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Saya juga mendengar keluhan golongan karyawan, artis, pemuzik, pelakon, penggiat teater, penulis dan krew produksi yang turut terkesan ekoran syarat PKP yang tidak membenarkan mereka terlibat dalam aktiviti seni dan persembahan ketika ini.

"Maka, bagi membantu lebih 8,000 penggiat seni dan terus menyokong industri seni dan kreatif tempatan, Kerajaan akan memperuntukkan RM100 juta dalam bentuk kemudahan pembiayaan dan sokongan bantuan kewangan," jelasnya.

Peruntukan itu, tambah Muhyiddin, meliputi insentif penghasilan karya dan kandungan digital, peluang kerjaya, program peningkatan kemahiran, caruman perlindungan di bawah Perkeso, serta perolehan produk bagi tujuan produksi di televisyen, radio dan penciptaan lagu.

Beliau berkata demikian dalam pengumuman khas Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada Isnin.

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemulih-kerajaan-peruntuk-rm100-juta-kemudahan-pembiayaan-penggiat-seni-pm-305569>